

MINYAK URUT ZHENG GU YEW

Metil Salisilat 58% w/v, Mentol 9% w/v, Kamfor 3% w/v

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zheng Gu Yew
2. Bagaimana Zheng Gu Yew berfungsi
3. Sebelum menggunakan Zheng Gu Yew
4. Cara menggunakan Zheng Gu Yew
5. Semasa menggunakan Zheng Gu Yew
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zheng Gu Yew
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Zheng Gu Yew

Ia digunakan untuk melegakan kesakitan pada otot dan sendi yang berkaitan dengan reumatik.

Bagaimana Zheng Gu Yew berfungsi

Ia mengandungi mentol, camphor dan metil salisilat. Kamfor adalah perangsang, rubefacient, antipruritik dan antiseptik yang lemah. Apabila diguna sekali dengan bahan-bahan lain seperti mentol dan metil salisilat, ia boleh melegakan neuralgia dan kawasan lain yang sakit. Mentol memuai salur darah dan bagi sensasi kesejukan, diikuti dengan kesan analgesic. Ia boleh meningkatkan penembusan ubat-ubatan apabila diaplikasi pada kulit dan memberi permulaan tindakan yang lebih cepat. Metil salisilat digunakan secara topikal sebagai pembalasan perengsa. Selepas aplikasi, ia diserap melalui kulit dan boleh melegakan kesakitan reumatik atau kesakitan otot dan sendi.

Sebelum menggunakan Zheng Gu Yew

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna sekiranya anda alah terhadap sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini.

Ubat ini tidak sesuai untuk bayi di bawah umur 2 tahun dan perhatian perlu diberikan kepada kanak-kanak berumur 2 tahun ke atas apabila menggunakannya. Sapu ubat yang mengandungi camphor pada hidung kanak-kanak adalah berbahaya kerana boleh menyebabkan pengsan.

Untuk kegunaan luar sahaja. Tidak boleh dimakan.

- Sebelum menggunakan

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Penyapuan yang berlebihan oleh pesakit yang mengambil warfarin mungkin meningkatkan risiko pendarahan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi tentang ubat lain yang anda sedang ambil.

Cara menggunakan Zheng Gu Yew

- Berapa banyak harus digunakan

Gosok di tempat yang sakit tidak melebihi 3 hingga 4 kali sehari.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Zheng Gu Yew

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat yang anda sedang ambil.

Pada mulanya sapu kuantiti yang kecil pada kawasan kulit yang terhad dan memerhati sama ada ketidakselesaan atau gatal berlaku sebelum sapu pada kawasan kulit yang lebih besar. Jika iritasi kulit berlaku, sila berhenti menggunakannya.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Tidak boleh sapu pada bahagian mata, permukaan mukus, luka terbuka atau kulit yang rosak. Elakkan penggunaan yang berlebihan secara meluas pada bahagian badan atau membalut.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Zheng Gu Yew dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Kesan-kesan sampingan

Iritasi kulit, kemerahan, bengkak, rasa pedih berlaku. Reaksi buruk jarang berlaku, simptom pening, loya boleh berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78018464/ 8470, atau laman web npra.moh.gov.my (Orange Awam →Lapor Kesan Sampingan Ubat (ConSERF) atau Vaksin (AEFI)).

Cara penyimpanan dan pelupusan Zheng Gu Yew

- Penyimpanan

Simpan bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya dan kelambapan. Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Product Description

- Rupa dan warna produk

Minyak berwarna hijau dengan bau yang tersendiri.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Mentol, metil salisilat, kamfor

- Bahan tidak aktif
minyak Chlorophyll, minyak pinus, liquid paraffin

- Nombor MAL

MAL05121201X

Pengilang

Wellmetech Pharmaceutical Industries Sdn Bhd
Lot 8058, Kota Samarahan Industrial Park, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Wellmetech Pharmaceutical Industries Sdn Bhd
Lot 8058, Kota Samarahan Industrial Park, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

18/4/2018